



Anggota pengawas KPDNHEP Kelantan merampas gula-gula Ghost Smoke yang dijual berhampiran dengan kawasan sekolah di Kota Bharu, semalam.
 (Foto ihsan KPDNHEP Kelantan)

KPDNHEP Kelantan rampas 'Ghost Smoke'

Periksa premis berhampiran sekolah, giat kenal pasti pembekal

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
 cnews@NSTP.com.my

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas 40

unit gula-gula *Ghost Smoke* yang dijual berhampiran sebuah sekolah di bandar ini, semalam.

Pengarahnya, Adnan Abd Rahman, berkata rampasan apda jam 10 pagi dibuat susulan aduan berhubung penjualan nyanya kepada pelajar sekolah.

Beliau berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang diadukan terutama berhampiran kawasan sekolah dan sempadan negara.

Berdasarkan siasatan dan maklumat yang diterima, harga barang ini dijual kepada pelajar adalah 50 sen, seunit dan

bekalannya pula diperoleh daripada pembekal di sekitar Kota Bharu.

"Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut bagi mengenal pasti pembekal barang itu sedang giat dijalankan," katanya dalam satu kenyataan media, di sini.

Beliau berkata, siasatan lanjut akan dijalankan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi 250,000 bagi suatu pertubuhan perbadanan.

"Jika bukan suatu pertubuhan perbadanan, mereka boleh

didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"KPDNHEP Kelantan akan sentiasa memantau dari semasa ke semasa berhubung perkara ini dan kami pihak yang terbabit diminta supaya mematuhi peruntukan undang-undang," katanya.

Sebarang aduan boleh disalurkan kepada kementerian melalui talian 03-8000 8000 1 Malaysia One Call Centre (1MOCC) atau talian bebas tol Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) 1-800-886-800.